

**SOALAN NO. 457****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HAJI AHMAD LAI  
BIN BUJANG [SIBUTI]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan peruntukan bagi insentif penyukatan tanah adat atau NCR bagi negeri Sarawak sejak 2011 hingga sekarang. Adakah terdapat laporan terperinci hasil penyukatan tanah tersebut dengan peruntukan yang telah disalurkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM128.05 juta bagi pelaksanaan pengukuran tanah NCR Sarawak sejak 2011 sehingga kini. Sejak dimulakan sehingga 30 Jun 2017, sejumlah 783,893 hektar tanah telah selesai diukur perimeter, 625,484 hektar tanah telah diwartakan dan seramai 5,706 individu telah diberi hak milik.

Prestasi Pengukuran NCR Sarawak secara terperinci sejak dimulakan sehingga 30 Jun 2017 adalah seperti berikut : -

	<b>Pengukuran Perimeter (Hektar)</b>	<b>Pengukuran Lot Individu (Hektar)</b>
<b>Kumulatif 2011-2016</b>	761,769	7,469
<b>Tahun 2017</b>	22,123	6,550
<b>Jumlah</b>	<b>783,893</b>	<b>14,019</b>

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 458

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN  
(PENGKALAN CHEPA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah hasil siasatan tragedi pesawat pejuang Hawk 108 yang berlaku pada Jun lalu.

**JAWAPAN:**

Kes ini masih di dalam siasatan oleh Lembaga Siasatan di mana punca sebenar kejadian tersebut masih belum dapat dipastikan lagi.